KAJIAN MALAYSIA Vol. 44, No.2, 2026, 321–341

PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN DAN AMALAN BERZAKAT DALAM KALANGAN WANITA ISLAM DI PULAU PINANG

JEWELLERY GOLD WEARING AND ZAKAT PAYMENT PRACTICES AMONG MUSLIM WOMEN IN PULAU PINANG

Jasni Sulong[1*], Mohd Marbawi Taha[2] and Roshaimizam Suhaimi[2]

[1]School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
[2]Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang Branch, Malaysia

[*]Corresponding author: jasni@usm.my

Published: 30 October 2026

To cite this article: Jasni Sulong, Mohd Marbawi Taha and Roshaimizam Suhaimi. 2026. Pemakaian emas perhiasan dan amalan berzakat dalam kalangan wanita Islam negeri Pulau Pinang. *Kajian Malaysia* 44(2): 321–341. https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.14

To link to this article: https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.14

ABSTRACT

The practice of wearing gold jewellery among women is a common phenomenon. However, it's use varies significantly across different communities, influenced by factors such as ethnicity, culture, religion, place of residence, age, and standard of living. This variation raises legal questions regarding the determination of the nisab rate for zakat on gold jewellery, as it must be based on the current custom ('uruf) of the community. Furthermore, in Pulau Pinang, there has been a lack of research on the practice of wearing gold jewellery among Muslim women for more than three or four decades. Differences in legal provisions governing Islamic religious affairs between the states of Malaysia also contribute to variations in 'uruf rates in each state. Additionally, there is an issue concerning zakat payers who do not pay zakat to the institution in their state of residence but instead pay it in the state of their birth or elsewhere. This prompted a study on the practice of wearing gold jewellery among Muslim women in Pulau Pinang and their compliance with the state zakat institution. This study employed a quantitatively approach using a questionnaire survey. A total of 540 Muslim women in Pulau Pinang were asked to complete a questionnaire to obtain quantitative data. The data were analysed using inductive, deductive, and comparative approaches. Frequency distributions were calculated to provide a descriptive analysis of the quantitative data. The findings revealed that a high percentage of Muslim women in Pulau Pinang wore gold jewellery, with most wearing jewellery weighing approximately 200 to 250 grams. The study also found that the majority Muslim women in Pulau Pinang paid zakat on their gold jewellery

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

to the Pulau Pinang zakat institution. As a result, this study has led to a change in the fatwa issued by the State of Pulau Pinang regarding the nisab rate for zakat on gold jewellery, which was subsequently set at 250 grams.

Keywords: gold, jewellery, zakat, Muslim women, Pulau Pinang

ABSTRAK

Amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita merupakan perkara yang lazim. Amalan pemakaiannya tidak sama antara masyarakat yang berdasarkan pengaruh kaum, budaya, agama, pemastautin, usia dan taraf hidup. Perbezaan ini menimbulkan persoalan hukum berkaitan dengan penetapan kadar nisab (kadar minimum) zakat emas perhiasan kerana penetapan harus berdasarkan kebiasaan semasa ('uruf) masyarakat. Lebih-lebih lagi di Pulau Pinang, amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam telah lama tidak dikaji sejak tiga hingga empat dekad yang lalu. Perbezaan peruntukan undang-undang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam antara negeri di Malaysia juga menyebabkan penetapan kadar 'uruf setiap negeri berbeza. Selain itu, terdapat juga isu pembayar zakat yang tidak membayar zakat kepada institusi di negeri yang didiami oleh mereka tetapi membayarnya di negeri kelahiran dan sebagainya. Hal-hal ini menyebabkan satu kajian perlu dilakukan berkenaan dengan amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam Pulau Pinang dan kepatuhan mereka terhadap ketetapan institusi zakat negeri. Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Seramai 540 wanita Islam di Pulau Pinang telah menjawab soal selidik bagi mendapatkan data kuantitatif. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan, data yang diperoleh dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Taburan frekuensi dihitung untuk mendapatkan tafsiran secara deskriptif tentang data kuantitatif yang dianalisis. Kajian mendapati bahawa peratusan yang tinggi direkodkan dalam amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di Pulau Pinang. Kebanyakannya memakai emas perhiasan dalam berat sekitar 200 gram hingga 250 gram. Kajian ini juga mendapati sebahagian besar wanita Islam Pulau Pinang membayar zakat emas perhiasan kepada Zakat Pulau Pinang. Dapatan kajian ini telah menyebabkan perubahan fatwa bagi kadar nisab untuk zakat emas perhiasan di negeri Pulau Pinang yang ditetapkan pada berat 250 gram.

Kata kunci: emas, perhiasan, zakat, wanita Islam, Pulau Pinang

PENDAHULUAN

Perhiasan merupakan suatu kehendak yang lazim terutamanya dalam kalangan wanita. Hal ini telah menjadi fitrah kerana kebanyakan wanita sangat gemar berhias diri dan memakai perhiasan yang menarik pada tubuh badan. Antara perhiasan yang menjadi minat dalam kalangan wanita ialah emas (Ismail 1991; Djamaludin 2011). Dalam Islam, emas bukan sahaja menjadi perhiasan, malah emas merupakan alat pertukaran dalam muamalat kerana nilai dan sifatnya yang

subur. Oleh sebab itu, emas merupakan satu bentuk harta yang dikenakan zakat apabila memilikinya pada kadar tertentu (al-Ramli 2011). Walau bagaimanapun, sekiranya emas digunakan untuk tujuan selain muamalat iaitu perhiasan, maka emas dikecualikan zakat. Namun begitu, pengecualian ini terhad berdasarkan '*uruf* pemakaian emas tertentu dan bukannya secara mutlak (al-Qardawi 1999). Berdasarkan persoalan ini, kajian adalah penting untuk mengenal pasti '*uruf* pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam. Hal ini disebabkan oleh '*uruf* ini berbeza mengikut lokasi dan masa serta faktor ekonomi, kajian perlu dilakukan pada beberapa tempoh tertentu untuk memastikan '*uruf* adalah sama atau telah berubah. Oleh itu, makalah ini mengkaji kedudukan dan amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di negeri Pulau Pinang dan kepatuhan mereka untuk menunaikan kewajipan berzakat terutama kepada institusi zakat negeri.

PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN DAN PERSPEKTIF ISLAM

Perhiasan ialah suatu barang atau alat kecantikan yang menarik untuk dipakai dan diletakkan di tempat tertentu bagi tujuan keindahan. Perhiasan turut bermaksud segala apa-apa yang dihiasi dengan kayu, batu atau logam seperti emas, perak, mutiara atau zamrud. Barang kemas pula biasanya, merujuk kepada perhiasan yang diperbuat daripada emas. Kebiasaannya, wanita memakai perhiasan untuk kelihatan cantik dan menarik (Ibn Manzur 1990; Fayruz 1995). Sifat emas yang bersinar dan berharga tinggi menjadikannya sebagai perhiasan yang berkualiti. Walau bagaimanapun dalam Islam, pemakaian barang kemas lebih didominasi oleh kaum wanita kerana lelaki diharamkan memakai emas (Sayid 1990). Amalan berhias dengan barang kemas ini disebut sebagai *tabarruj* iaitu menghias diri dengan menggunakan sesuatu alat atau bahan untuk kelihatan cantik dan menonjol (Zainuddin, Zainuddin dan Isa 2008; Syaharina, Asmak dan Luqman 2023).

Menurut Hamka (1986), wanita Nasrani dan Najran dahulu memakai perhiasan pada pakaian dan anggota badan seperti penggunaan manik dan batu permata (Ibn Kathir 2000). Amalan ini menurut al-Qardawi (1978) ialah tabiat sesetengah wanita jahiliah dengan meletakkan barang kemas di dada, leher dan tangan (Omar 2013). Manakala dalam budaya Melayu silam, pemakaian perhiasan emas bagi kaum lelaki lebih pelbagai merangkumi gelang tangan, tali pinggang, jam poket, tongkat dan cincin. Manakala kaum wanita pula memakai gelang tangan, gelang papan, cincin, rantai, anting-anting, kerongsang, cucuk sanggul, pending (pengancing tali pinggang), dokoh (sejenis perhiasan leher) dan kalung (Ismail 1991). Amalan pemakaian perhiasan emas ini pada masa yang sama menggambarkan kerjaya, status dan pangkat seseorang seperti bangsawan, penari atau peniaga. Emas juga digunakan dalam amalan perawatan

tradisional sebagai tangkal dan azimat. Selain itu, terdapat amalan pengebumian jenazah bersama-sama dengan perhiasan emas yang dipakainya semasa hidup (Djamaludin 2011). Oleh itu, fungsi pemakaian barang kemas yang melingkari budaya dan tradisi masyarakat dunia berbeza-beza (Syaharina, Asmak dan Luqman 2023).

Dalam Islam, konsep berhias, memakai perhiasan atau *tabarruj* pada asalnya adalah harus. Seorang wanita dibenarkan memakai perhiasan, wangi-wangian, atau alat kosmetik tertentu untuk memperlihatkan kecantikan dan keindahannya di hadapan suami dan keluarga (*mahram*). Namun di hadapan lelaki lain yang halal dinikahi (*ajnabi*), Islam mengharuskan wanita memakai perhiasan secara sederhana dan tidak melampaui batas sehingga menaikkan keghairahan dan menunjukkan auratnya (Rashidah et al. 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana Islam juga meraikan minat wanita yang suka akan kecantikan dan keindahan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran, ayat 14:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ

> Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak.

Kecenderungan atau fitrah wanita kepada perhiasan juga dapat diteliti melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Zukhruf, ayat 18:

أَوَمَن يُنَشَّؤُاْ فِي ٱلۡحِلۡيَةِ وَهُوَ فِي ٱلۡخِصَامِ غَيۡرُ مُبِينٖ

> Dan apakah patut (menjadi anak Allah) orang yang dibesarkan dalam keadaan berperhiasan, sedang dia tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertengkaran.

Dalam ayat ini, secara tidak langsung Allah SWT mencirikan wanita sebagai sinonim dengan perhiasan kerana hal tersebut merupakan fitrah mereka (Ibn Majah 1952; Syaharina, Asmak dan Luqman 2023). Terdapat banyak riwayat sahabat yang menceritakan bahawa mereka memakai batu permata, manik-manik (Rashidah et al. 2016), cincin perak (al-Bukhari 2002), pakaian berwarna (al-Bukhari 2002), dan menyapu *misk* (kasturi) sebagai wangian (al-Nasa'i 1986). Riwayat daripada Aisyah lebih menjelaskan budaya pemakaian emas sebagai perhiasan dalam kalangan wanita sebagaimana Rasulullah SAW memakaikan Umamah dengan cincin emas seperti dalam riwayat Abu Dawud (1952):

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَدِمَتْ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِلْيَةٌ مِنْ عِنْدِ النَّجَاشِيِّ، أَهْدَاهَا لَهُ، فِيهَا خَاتَمٌ مِنْ ذَهَبٍ فِيهِ فَصٌّ حَبَشِيٌّ، فَأَخَذَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعُودٍ بِبَعْضِ أَصَابِعِهِ مُعْرِضًا عَنْهُ، ثُمَّ دَعَا أُمَامَةَ بِنْتَ أَبِي الْعَاصِ ابْنَةَ ابْنَتِهِ، فَقَالَ: "تَحَلَّيْ بِهَذَا يَا بُنَيَّةُ"

Dari 'Aisyah r.a. berkata: Rasulullah SAW pernah mendapat hadiah dari Raja Najasyi, di dalamnya terdapat cincin emas yang permatanya dari Habsyah. 'Aisyah berkata: Maka Rasulullah SAW mengambilnya dan dengan kayu menunjukkan padanya, atau (menunjukkan) dengan sebahagian jarinya kemudian memanggil Umamah, anak perempuan Abi al-'Ash iaitu cucu perempuan kepada anaknya, Zainab dan bersabda: "Berhiaslah dengan ini wahai cucuku!"

Berdasarkan dalil al-Quran dan hadis tersebut, para fuqaha bersepakat (*ijmak*) untuk menetapkan hukum pemakaian perhiasan emas bagi wanita adalah harus (al-Nawawi 2022).

PERTIMBANGAN HUKUM ZAKAT KE ATAS EMAS PERHIASAN

Hukum asal zakat pada emas dan perak ialah wajib dikenakan zakat apabila mencapai kadar *nisab* (kadar minimum) dan cukup *haul* (tempoh setahun). Fuqaha bersepakat (*ijmak*) bahawa zakat emas diwajibkan ke atas pemilikan emas, sama ada berbentuk kepingan duit, ketulan atau barangan (al-Qardawi 1978). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah, ayat 34:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan mereka tidak menginfakkannya di jalan Allah, maka berilah mereka khabar gembira dengan azab yang pedih.

Imam al-Maraghi (1963) menjelaskan maksud *infaq* ialah kewajiban mengeluarkan zakat. Keingkaran mengeluarkan zakat merupakan satu dosa dan diancam dengan seksaan di akhirat kelak. Abu Hurairah r.a. turut meriwayatkan (Sahih Muslim 1991):

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ

Sesiapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya.

Menurut al-Nawawi (2022), hadis ini secara jelas menunjukkan hukum kewajiban zakat emas dan perak serta merupakan satu *ijmak*.

Maqasid syarak pada kewajiban zakat ke atas emas dan perak kerana emas dan perak merupakan harta yang subur, bernilai tinggi dan boleh diniagakan. Nilai dan kualiti emas, khususnya, membolehkannya menjadi alat pertukaran, harta modal, simpanan dan barang perdagangan (al-Ramli 2011). Walau bagaimanapun bagi emas yang dijadikan alat perhiasan, tidak lagi memiliki sifat dan '*illah* yang bersifat subur dan boleh berkembang sebagaimana emas biasa. Oleh itu, jumhur fuqaha mengecualikan emas perhiasan daripada dikenakan zakat. Pandangan ini merupakan pandangan yang paling kuat (الأصح) dalam Mazhab Syafi'i (al-Nawawi 2022; Syaharina, Asmak dan Luqman 2023). Pandangan ini juga berdasarkan hadis yang tidak mengenakan zakat perhiasan (ليس في الحلي الزكاة) (al-Tirmidhi 1970) yang termasuk juga sesuatu yang diperbuat daripada emas. Menurut al-Qardawi (1999), hanya emas yang mempunyai sifat subur (النامي) atau boleh dikembang (للنماء) atau boleh dilaburkan (والاستغلال) yang dikenakan zakat. Jika dikenakan zakat, ia seolah-olah mewajibkan seorang wanita membayar sewa bagi barang kemas yang dimiliki atau membeli harta lain bagi menampung kepunyaan emasnya.

Hukum tiada zakat ke atas perhiasan yang dipakai wanita turut dirujuk oleh al-Nawawi (2022) kepada *athar* (kata-kata sahabat Rasulullah SAW) sahih yang diriwayatkan oleh Imam Malik sebagaimana berikut:

عن عبد الرحمن بن قاسم عن أبيه عن عائِشَةَ: أَنَّها كَانَتْ تَحلِي بَنَات أَخِيْهَا يَتَامَى فِي حِجْرِهَا لَهُنَّ الحُلِّي فَلاَ تُخْرِج مِنْه الزَّكَاة.

> Daripada Abdul Rahman bin Qasim daripada bapanya, daripada Aisyah r.a. bahawa beliau pernah memakaikan beberapa anak saudaranya yang yatim emas perhiasan, lalu beliau tidak mengeluarkan zakat emas ke atasnya.

Berdasarkan *athar* ini, Saidatina 'Aisyah r.a. sendiri tidak mengeluarkan zakat ke atas emas perhiasan. Sebagai isteri Rasulullah SAW, tentu 'Aisyah lebih mengetahui hukum-hakam berkaitan zakat. Asma' binti Abu Bakar juga ada meriwayatkan bahawa beliau tidak mengeluarkan zakat ke atas emas perhiasan anak perempuannya (al-Tirmidhi 1970).

Walau bagaimanapun, hukum pengecualian zakat ke atas emas perhiasan tidaklah berlaku secara mutlak. Jumhur fuqaha mensyaratkan pemakaian emas perhiasan bagi seorang wanita itu hendaklah secara biasa berdasarkan tradisi dalam masyarakat (*'uruf*). Namun begitu, pemakaian tersebut tidak boleh dilakukan secara melampau sehingga dianggap menunjuk-nunjuk, mencetuskan

kesombongan, menimbulkan fitnah dalam kalangan masyarakat atau membazir yang boleh mengubah hukumnya menjadi haram. Imam al-Nawawi (2022) menggariskan syarat-syarat ini sebagaimana pernyataan berikut:

> قال أصحابنا: كل حلي أبيح للنساء فإنما يباح إذا لم يكن فيه سرف ظاهر، فإن كان كخلخال وزنه مائتا دينار، فالصحيح الذي قطع به معظم العراقيين تحريمه
>
> Sebahagian daripada Ulama Syafi'iyah berkata[1] semua jenis (emas) perhiasan dibenarkan bagi wanita selagi mana tidak terdapat padanya pembaziran yang jelas. Sekiranya emas perhiasan itu berbentuk gelang kaki yang beratnya 200 dinar, maka yang sahih yang diputuskan oleh kebanyakan fuqaha (Syafi'yah) di Iraq adalah mengharamkannya.

Berdasarkan pernyataan ini, pemilikan barang kemas hingga 200 dinar dianggap melampau dan boros, manakala pemakaian perhiasan sebanyak itu dianggap haram serta wajib dizakatkan. Nilai 200 dinar ini 10 kali ganda daripada nilai emas biasa yang diwajibkan zakat. Begitu juga emas perhiasan yang disimpan dan tidak dipakai, turut dikenakan zakat menurut fuqaha Syafi'iyyah. Menurut al-Nawawi (2022), emas perhiasan ini wajib dikenakan zakat kerana sudah berubah fungsinya daripada barang kemas kepada harta berbentuk modal yang bersifat subur dan boleh dikembangkan. Oleh itu, hukumnya diwajibkan zakat (Syaharina, Asmak dan Luqman 2023).

AMALAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI ZAKAT PULAU PINANG

Di Malaysia, perkara mengenai zakat merupakan hal ehwal agama kerana pengurusannya berada bawah pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Di Pulau Pinang, pengurusannya terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri yang kemudiannya melantik Zakat Pulau Pinang (ZPP) iaitu institusi korporat yang dipertanggungjawabkan dalam perkara pengutipan dan pengagihan zakat, termasuklah zakat emas perhiasan (Azlan Yusof, Siti Hawa dan Nur Ain 2024).

Asas penetapan *nisab* ini berubah kerana terdapat perubahan '*uruf* pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam Pulau Pinang setelah beberapa dekad pemakaian '*uruf* pada 165 gram sebelumnya. Oleh sebab kuasa agama di negara ini berbeza mengikut negeri, maka Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang mempunyai bidang kuasa untuk menetapkan kadar '*uruf nisab* emas perhiasan mengikut amalan semasa di negerinya. *Maqasid* penetapan itu adalah bagi mencapai maksud pensyariatan zakat emas perhiasan yang berdasarkan kadar '*uruf* dalam masyarakat yang menurut pemakaian biasa dan tidak melampau batas (Azri et al. 2019). Oleh itu, sekiranya pemilik emas perhiasan

telah mencapai kadar ini dalam pemilikan barang kemas tersebut, maka zakat sebanyak 2.5% dikenakan ke atas semua jumlah emas perhiasan yang dimiliki. Kaedah hitungan berdasarkan jumlah keseluruhan emas perhiasan dan bukannya pada lebihan daripada kadarnya sahaja berdasarkan pandangan Imam al-Ramli (2011) daripada Mazhab Syafi'i. Pandangan ini bersifat berhati-hati (*ihtiyati*) untuk membersihkan pemilikan emas dalam tanggungjawab berzakat. Kaedah ini juga merupakan satu sikap untuk keluar daripada sebarang *khilaf* yang sangat dituntut untuk dilakukan oleh setiap orang (الخروج من الخلاف مستحب) (al-Ramli 2011).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Encik Amran Hazali (temu bual 2 April 2021), amalan ZPP tentang emas perhiasan yang dikecualikan daripada dikenakan zakat hanyalah emas perhiasan yang dipakai oleh wanita. Emas yang dipakai sama ada sekali-sekala atau secara berterusan sepanjang tahun tidak dikenakan zakat kecuali jika melebihi '*uruf* (kadar pemakaian biasa). Semua negeri di Malaysia telah menetapkan menerusi laman sesawang pusat kutipan zakat masing-masing mengenai kadar had '*uruf* zakat emas perhiasan ini, kecuali di Perlis. Majlis Agama Islam Negeri Perlis (2021) tidak menetapkan kadar had '*uruf* zakat emas perhiasan dan menetapkan bahawa semua emas yang dimiliki dikenakan zakat pada *nisab* 20 *mithqal* atau 85 gram secara umum. Manakala Majlis Agama Islam Negeri Kelantan sebelum tahun 2025 telah menetapkan tiada kadar had '*uruf* zakat emas perhiasan dan pemilik emas perhiasan adalah dikecualikan daripada zakat secara mutlak (Tutasting@Rawi, Noraini dan Rozman 2019). Bagaimanapun, perkembangan terkini pada tahun 2025, fatwa Kerajaan Negeri Kelantan telah menetapkan 600 gram kadar zakat emas perhiasan.

Pemilik emas simpanan akan dikenakan zakat apabila berat emas simpanan yang dimiliki melebihi *nisab* 85 gram emas. Begitu juga sebarang emas perhiasan yang tidak dipakai akan dikenakan zakat pada kadar *nisab* ini iaitu bagi emas perhiasan yang disimpan, rosak dan tidak dipakai walaupun sekali dalam kiraan setahun pada tahun Hijrah (Salina dan Siti Maisarah 2024). Berdasarkan laman sesawang agensi yang mengurus zakat, negeri yang mewajibkan zakat pada *nisab* 85 gram ke atas emas perhiasan yang tidak dipakai ialah Johor (Majlis Agama Islam Negeri Johor 2021), Kelantan (Majlis Agama Islam Negeri Kelantan 2021), Melaka (Zakat Melaka 2021), Negeri Sembilan (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan 2021), Pulau Pinang (Zakat Pulau Pinang 2021), Perlis (Majlis Agama Islam Negeri Perlis 2021), Pahang (Zakat Pahang 2021), Terengganu (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu 2021) dan Wilayah Persekutuan (Pusat Pungutan Zakat, MAIWP 2021). Lebih terperinci, Pusat Pungutan Zakat, MAIWP (2021) ada menjelaskan bahawa emas perhiasan kategori ini ialah emas yang benar-benar menjadi simpanan dan tidak digunakan sebagai perhiasan walaupun fizikalnya sama seperti emas perhiasan. Barang kemas yang tidak dipakai termasuklah barang kemas yang sudah rosak atau lama yang tidak diniatkan untuk dibaiki.

Termasuk juga dalam kategori emas perhiasan yang dikenakan zakat ialah emas perhiasan yang dimiliki oleh lelaki yang haram pemakaiannya mengikut syarak syarak (Tutasting@Rawi, Noraini dan Rozman 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan metodologi campuran antara kualitatif dengan kuantitatif. Elemen kualitatif melibatkan maklumat teori dan konsep asas berhubung dengan hukum zakat emas perhiasan dalam khazanah perundangan Islam. Hal ini juga melibatkan dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan sejarah dan amalan masyarakat tentang pemakaian emas perhiasan. Manakala elemen kuantitatif melibatkan data yang berbentuk numerik yang memberikan indikasi fenomena dan amalan sehingga satu generalisasi berdasarkan data yang dikumpulkan dapat dirumuskan. Untuk memulakan kajian ini, penyelidik telah menentukan objektif, mengenal pasti skop dan populasi sasaran serta memenuhi segala keperluan etika bagi memastikan kajian yang dilakukan adalah telus dan absah (Banerjee 2019).

Pengumpulan data kajian dalam aspek kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan dengan mengumpulkan segala konsep dan teori melalui bahan berbentuk dokumen. Data bersifat numerik pula dikumpul melalui dapatan borang soal selidik yang diedarkan. Format dan disiplin yang diguna pakai semasa pengumpulan data dilakukan dengan pendekatan berstruktur atau tidak berstruktur bergantung pada objektif kajian yang telah digariskan (Banerjee 2019). Memandangkan negara masih dalam fasa pemulihan selepas pandemik COVID-19 ketika kajian ini dijalankan, soal selidik kajian telah diedarkan secara dalam talian menerusi platform media sosial yang popular dan mempunyai kadar respons yang tinggi, khususnya WhatsApp dan Facebook (Nor Diana, Abdul Hadi dan Nor Rima 2018). Pemilihan edaran sebegini dilakukan berbanding dengan cara bersemuka kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berlangsung di Pulau Pinang pada ketika itu telah membataskan pertemuan fizikal dan sekatan rentas daerah yang dikuatkuasakan Kerajaan Persekutuan bagi membendung penularan wabak COVID-19. Pada masa yang sama, pemilihan ini turut dibuat untuk mengelakkan maklum balas yang rendah sekiranya dilakukan melalui edaran borang fizikal (Clark dan Creswell 2015). Pengisian maklumat secara dalam talian dianggap sebagai wadah terbaik kerana perkara berkaitan emas perhiasan merupakan perkara yang sensitif dan berkait dengan isu keselamatan. Oleh itu, kaedah soal selidik dalam talian diyakini dapat memberikan masa, kepercayaan dan keyakinan kepada responden untuk mendedahkan maklumat pemakaian emas dengan bebas dan sukarela.

Penyelidik menggunakan formula pengiraan khusus untuk menentukan saiz sampel yang mencukupi bagi mendapatkan anggaran kelaziman populasi dengan tepat. Mengambil formula Daniel (1999), sampel minimum yang perlu dikumpulkan dalam kajian ini ialah kira-kira 246 orang responden. Hitungan ini berdasarkan modifikasi formula seperti yang berikut:

$$n = \frac{Z^2 P(1-P)}{d^2} \quad \Rightarrow n = \left[\frac{Z}{d}\right]^2 p(1-p)$$

iaitu

n = anggaran sampel saiz
z = nilai standard pada nilai yakin 95% (1.96)
p = anggaran kelaziman wanita memakai barang kemas 80% (0.12)
d = margin kesilapan ditetapkan pada 5% (0.05)

Oleh itu, saiz minimum sampel kajian untuk kutipan data ini ialah

$$n = \left[\frac{1.96}{0.05}\right]^2 \times 0.12(1-0.12)$$

$$n = 1536.64 \times 0.16$$
$$n = 245.9 \text{ orang}$$


Setelah kajian dijalankan, seramai 540 orang responden telah menjawab soalan dalam borang soal selidik yang telah diedarkan. Pemilihan responden dilakukan menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) kerana populasi kajian bercampur-campur (*mixed*) dan pelbagai (*heterogeneous*). Tujuannya adalah untuk memastikan kajian ini dapat merangkumi semua kategori populasi secara mencukupi, melalui pengenalpastian kedudukan mereka yang mewakili pelbagai strata, karakter dan posisi mereka dalam sesebuah populasi (Mukherjee 2019). Walaupun begitu, ralat kajian didapati berlaku hanya sebanyak 2.0% daripada keseluruhan data yang dikumpul. Ralat berlaku apabila terdapat responden yang tidak menjawab kesemua soalan dalam borang soal selidik yang diberikan menyebabkan data tersebut tidak dapat diukur. Walau bagaimanapun, ralat ini tidak menjejaskan dapatan kajian yang dianalisis untuk perbincangan ini (Krejcie dan Morgan 1970).

Untuk analisis kuantitatif, penyelidik telah memberikan tumpuan analisis berdasarkan jawapan kepada soalan-soalan kajian (Samani 2016). Secara umumnya, analisis ke atas data kualitatif dan kuantitatif dilakukan secara analisis kandungan yang melibatkan metode induktif, deduktif dan komparatif. Bentuk analisis ini digunakan mengikut kesesuaian data yang terkumpul sama ada untuk menghasilkan kesimpulan bersifat umum atau spesifik atau secara

perbandingan bagi mengenal pasti elemen persamaan atau perbezaan yang signifikan (Mukherjee 2019). Interpretasi ke atas data yang bersifat numerik dilakukan secara deskriptif melalui proses hitungan taburan frekuensi bagi mendapatkan min (purata) dan peratusan untuk mengenal pasti amalan masyarakat serta hubungan antara data demografi, trend dan perbezaan antara pemboleh ubah. Semua peringkat analisis yang dilakukan ini diproses secara sistematik melalui rujukan silang dan pengesahan pakar supaya proses pengujian dan pengesahan ke atas hasil kajian dapat memastikan rumusan yang diperoleh mengandungi asas kebolehpercayaan dan kesahan (Aithal dan Aithal 2020). Jelasnya, proses-proses yang melibatkan penelitian elemen konsistensi data melalui perbandingan setiap sumber, melakukan triangulasi untuk mengenal pasti data yang saling melengkapi dan validasi pakar yang dapat meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, wanita Islam yang paling banyak memberi maklum balas ialah yang berbangsa Melayu iaitu sebanyak 98.1% atau 519 orang. Manakala, maklum balas bangsa-bangsa lain hanyalah kecil iaitu 1.9% sahaja yang terdiri daripada bangsa India (7), Cina (1) dan Bugis (1). Oleh itu, keseluruhan perbincangan dalam amalan pemakaian emas perhiasan oleh wanita Islam Pulau Pinang dalam makalah ini akan menyerlahkan amalan wanita Melayu. Usia mereka adalah antara 21 hingga 65 tahun. Usia begini merupakan peringkat yang sesuai dan munasabah untuk memiliki dan memakai emas perhiasan secara bebas dan bersendiri. Secara lebih terperinci, responden berusia 41–50 tahun adalah paling ramai memberikan respons iaitu sebanyak 39.8% diikuti dengan responden yang berusia 31–40 tahun (32.5%), 51–60 tahun (17.1%), 21–30 tahun (8%) dan 61–70 tahun (2.5%). Responden wanita yang berusia 31–50 tahun ini telah membentuk 72.3% daripada keseluruhan wanita Islam Pulau Pinang yang dikaji dan dapatan ini memberikan indikasi yang tepat mengenai sasaran responden yang dipercayai mempunyai kerjaya yang stabil dan kemampuan memiliki emas perhiasan. Rajah 1 menunjukkan kategori usia dan peratusan responden yang terlibat dalam soal selidik ini.



Rajah 1: Kategori usia responden.

Peratus responden yang telah berkahwin adalah paling tinggi iaitu 86.4% atau seramai 457 orang. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden yang menjawab soal selidik kebanyakannya merupakan pasangan yang berumah tangga yang tentu sekali memiliki sekurang-kurangnya sebentuk cincin perkahwinan, gelang atau rantai leher. Responden lain hanya mewakili baki 14% iaitu wanita yang belum berkahwin seramai 37 orang (7%), balu 18 orang (3.4%) dan janda 17 orang (3.2%). Berdasarkan lokasi, responden dari Seberang Perai Utara (Kepala Batas) adalah paling ramai iaitu 192 orang (36.4%) diikuti dengan 95 orang responden (18%) dari Seberang Perai Tengah, 73 orang (13.8%) dari daerah Barat Daya, 63 orang (11.9%) dari Seberang Perai Utara (Butterworth), 60 orang (11.4%) dari daerah Timur Laut dan 45 orang (8.5%) dari Seberang Perai Selatan. Jadual 1 di bawah menunjukkan kategori perkahwinan dan daerah kediaman responden.

Jadual 1: Kategori perkahwinan dan daerah kediaman responden


Kategori	**%**
Status perkahwinan	
Bujang	7.0
Berkahwin	86.4
Janda	3.2
Balu	3.4
Daerah kediaman	
Seberang Perai Utara (Kepala Batas)	36.4

(*bersambung*)

Jadual 1 (*sambungan*)


Kategori	%
Seberang Perai Utara (Butterworth)	11.9
Seberang Perai Tengah	18.0
Seberang Perai Selatan	8.5
Timur Laut	11.4
Barat Daya	13.8

Responden kajian terdiri daripada pelbagai latar belakang, dengan majoriti bekerja dalam sektor awam (294 orang). Manakala sektor kedua terbanyak ialah sektor swasta iaitu sebanyak 19% yang melibatkan 102 orang responden. Kategori responden yang lain terdiri daripada pesara seramai 28 orang (5%), individu yang bekerja sendiri seramai 42 orang (8%), serta mereka yang tidak bekerja, termasuk suri rumah dan pelajar, seramai 62 orang (12%). Berdasarkan pendapatan pula, seramai 27 orang (5.3%) daripada responden berpendapatan melebihi RM10,000. Manakala 42.2% menerima gaji di bawah RM4,000. Jurang ini menunjukkan hampir separuh wanita yang menjadi responden kajian menerima gaji di bawah paras kemiskinan. Walau bagaimanapun lebih separuh daripada responden (51.2%) berada pada tahap pendapatan pertengahan iaitu antara RM4,001–RM10,000 sebulan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Kategori pendapatan responden.

Seramai 508 orang (95.9%) responden wanita Islam di Pulau Pinang didapati memiliki emas perhiasan yang membuktikan fitrah wanita menyukai emas perhiasan. Pemilikan mereka ke atas emas perhiasan melibatkan pelbagai jenis barang kemas sebagaimana butiran yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Jenis pemilikan emas perhiasan.

Berdasarkan Rajah 3, dapat dirumuskan emas perhiasan yang banyak dimiliki oleh wanita Islam di Pulau Pinang ialah cincin, gelang tangan dan rantai leher. Pemilikan ini menjurus kepada barang kemas biasa yang boleh dipakai harian berbanding dengan sesetengahnya yang dipakai ketika upacara atau majlis tertentu (Hussain 2021).

Kajian mendapati kebanyakan emas yang dijadikan perhiasan ialah jenis emas 916 kerana kandungannya sesuai iaitu tidak terlalu lembut dan mempunyai kandungan emas yang sepadan dengan warna emas yang kekuningan. Kajian mendapati sebanyak 82% daripada perhiasan yang dipakai oleh responden wanita Islam Pulau Pinang merupakan jenis emas 916. Dari segi berat pula, majoriti pemilikan emas jenis 916 ini adalah antara 100 gram hingga 200 gram (94.1%) sebagaimana dalam Jadual 2.

Jadual 2: Berat terperinci mengikut jenis emas perhiasan

Berat (g)	Jenis emas					Jumlah	%
	E999	E916	E900	E790	E375		
0.1–50	47	278	0	29	7	361	69.0
51–100	4	82	0	0	0	86	16.4
101–150	1	13	0	0	0	14	2.7
151–200	5	23	3	0	0	31	5.9
201–250	0	8	0	0	0	8	1.5
251–300	0	5	0	0	0	5	1.0
351–400	7	2	0	0	0	9	1.7

(*bersambung*)


Jadual 2 (*sambungan*)

Berat (g)	Jenis emas					Jumlah	%
	E999	E916	E900	E790	E375		
451–500	0	5	0	0	0	5	1.0
701–750	0	0	0	1	0	1	0.2
751–800	0	1	0	0	0	1	0.2
951–1,000	1	0	0	0	0	1	0.2
Lebih 1,000	0	1	0	0	0	1	0.2
Jumlah	65	418	3	30	7	523	100.0

Nota: Data selainnya (julat 301–350, 401–450, 501–700, 801–950) tidak dimasukkan kerana bernilai nol (0). Hanya yang ada pemilikan ditanda dan dimasukkan.

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden memiliki emas perhiasan seberat 0.1–50 gram, menjadikannya kadar pemilikan yang lazim dalam kalangan populasi. Namun, jika dinilai dari sudut kemampuan, julat pemilikan emas yang signifikan hingga 200 gram dengan jumlah responden dalam kategori ini mencecah angka melebihi dua digit. Oleh itu, peningkatan julat dalam kadar 151–200 gram berbanding julat sebelumnya (101–150 gram) memberikan makna yang signifikan kerana berdasarkan ketetapan '*uruf* pemakaian emas perhiasan di Pulau Pinang sebelum ini, fatwa hanya menetapkan kadar 165 gram. Namun kini julat antara 151 hingga 200 gram menunjukkan angka yang ketara mencerminkan bahawa pemilikan emas perhiasan masih berada dalam kemampuan sebahagian wanita Islam di Pulau Pinang. Penetapan kadar '*uruf* semasa dengan mengambil kira unjuran kemampuan ekonomi pada masa depan, dapat dirumuskan bahawa wanita Islam di negeri ini berpotensi memiliki emas perhiasan hingga maksimum 250 gram. Unjuran ini dinilai berdasarkan petunjuk sosioekonomi di Pulau Pinang iaitu berdasarkan pendapatan per kapita negeri yang meningkat sebanyak 3.3% dari tahun 2022 ke tahun 2023 dan penurunan kadar pengangguran sebanyak 1.8% bagi suku pertama tahun 2024 (*Astro Awani* 2023; *Buletin Mutiara* 2024). Unjuran ini diterima sepenuhnya oleh Jawatankuasa Penyelidikan, ZPP dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang bersidang dan mendengar hasil dapatan kajian ini.

Berdasarkan amalan pemakaian pula sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 4, kekerapan responden memakai barang kemas berbeza sama ada semasa bekerja, ketika di rumah, sewaktu menghadiri majlis atau semasa menyambut perayaan. Berdasarkan tabiat pemakaian ini, kebanyakan responden (46.9%) didapati memakai barang kemas pada setiap hari. Manakala 17.9% memakainya semasa hari perayaan dan 16.6% memakainya ketika menghadiri sesuatu majlis. Selebihnya memakai barangan tersebut pada hari bekerja (10.3%), memakainya di rumah (5%), menyimpannya di bank (1.6%), dan memakainya secara tidak menentu (1.7%).




Rajah 4: Kekerapan pemakaian emas perhiasan.

Berdasarkan hukum syarak, pemakaian emas perhiasan pada setiap hari akan memberikan kesan hukum bahawa pemilik emas tersebut tidak akan dikenakan zakat. Kebanyakan barang kemas yang biasa dipakai ini ialah cincin, gelang dan rantai emas. Bagi 10.3% responden yang memakainya ketika bekerja menunjukkan emas perhiasan terbabit ialah aksesori khas dan tambahan yang lebih menarik dan baharu berbanding dengan barang kemas yang lebih ringkas yang dipakai semasa berada di rumah.

Seterusnya dari segi kekerapan memakainya, terdapat responden yang menjawab lebih daripada satu kekerapan iaitu dengan memakainya pada setiap hari sama ada semasa keluar bekerja, ketika menghadiri majlis atau pada hari perayaan. Keadaan yang berlaku ini boleh menisbahkan bahawa responden tersebut memiliki lebih daripada satu set emas perhiasan seperti memiliki dua atau lebih set anting-anting, dua atau lebih set rantai leher, dua atau lebih gelang tangan dan dua atau lebih set cincin. Pengiraan ini menunjukkan, responden tentu sekali mempunyai beberapa bentuk barang kemas seperti cincin, rantai leher dan gelang tangan yang diselang-selikan pemakaiannya. Berdasarkan data pada Jadual 2, maka tidak hairan ada responden yang memiliki antara 251–500 gram emas perhiasan (3.7%).

Bagi pembayaran zakat, oleh sebab permulaan kewajipan zakat emas perhiasan hanya apabila beratnya melebihi kadar '*uruf* iaitu 165 gram sebagaimana yang ditetapkan sebelum ini di Pulau Pinang, maka hanya 232 responden sahaja yang layak membayarnya kerana memenuhi maksud had *nisab* ini. Hal ini menunjukkan hampir separuh wanita Islam di Pulau Pinang memiliki emas perhiasan yang layak dibayar zakat (45.6%). Majoriti wanita Islam ini (64.2%) telah membayar zakat tersebut di ZPP, manakala lebih kurang satu pertiga (30.6%) membayar terus kepada *asnaf*. Hanya sebahagian kecil iaitu 4.3% yang membayar zakat ke institusi zakat negeri lain atau membayar mengikut kesesuaian (0.9%). Rajah 5 menunjukkan penerima zakat emas perhiasan.



Rajah 5: Penerima zakat emas perhiasan.

Setiap responden mempunyai alasan dan justifikasi tertentu dalam pemilihan tempat/sasaran penerimaan zakat mereka, misalnya membayar di negeri kelahiran. Justifikasi tertinggi dalam pemilihan tempat pembayaran zakat ialah negeri tempat mereka bekerja (26.4%). Alasan seterusnya ialah kemudahan akses untuk pembayaran (22.6%), merupakan negeri tempat tinggal (21.2%), lebih diyakini agihannya kepada asnaf (15.5%), kepuasan apabila berzakat (9.5%) dan negeri kelahiran (3.6%). Kaedah pembayaran zakat yang mudah pada hari ini menyaksikan banyak yang membayar secara dalam talian dan mengutamakan negeri tempat mereka menetap dan bekerja. Menurut al-Nawawi (2022), pandangan yang dianggap paling sahih ialah zakat hendaklah dibayar di negeri tempat harta tersebut berada. Bagi zakat emas perhiasan, hal ini merujuk kepada negeri tempat seseorang menetap dan bekerja.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, fuqaha bersepakat bahawa emas perhiasan yang haram penggunaannya, misalnya emas yang dipakai oleh lelaki, emas yang dijadikan perhiasan rumah, peralatan, senjata, perkakas dapur dan sebagainya adalah diwajibkan zakat, manakala emas yang harus pemakaiannya sebagai perhiasan oleh wanita seperti cincin, gelang tangan, rantai leher, gelang kaki dan sebagainya adalah tidak dikenakan zakat. Syarat pengecualian zakat bagi emas perhiasan hendaklah dipakai pada mana-mana tempoh dalam jangka masa setahun sekalipun secara selang-seli. Hasil daripada kajian ini, Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam keputusannya pada tahun 2021 telah mengubah fatwa sebelumnya bagi *nisab* zakat emas perhiasan iaitu daripada kadar 165 gram kepada kadar baharu iaitu 250 gram. Peningkatan kadar *nisab* ini disebabkan peningkatan sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat di Pulau Pinang yang

melibatkan peningkatan pendapatan, penurunan kadar pengangguran serta kemajuan tahap pendidikan. Oleh sebab perubahan keadaan akan menyebabkan perubahan hukum, maka penetapan bagi *nisab* '*uruf* pemakaian emas perhiasan juga turut berubah. Kebanyakan wanita Islam Pulau Pinang memakai emas perhiasan berbentuk cincin, rantai leher dan gelang tangan. Kebanyakan usia pemilikan mereka ialah selepas tamat pendidikan di peringkat sekolah iaitu antara usia 21 hingga 65 tahun. Kebanyakannya memakai emas perhiasan pada setiap hari. Berdasarkan kesedaran atas kewajipan berzakat bagi pemilikan emas perhiasan, kajian merumuskan para responden amat memahami tuntutan hukum Islam. Peratusan pembayaran zakat yang tinggi kepada ZPP menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan responden tentang kepentingan membantu masyarakat setempat melalui pembayaran zakat di negeri tempat mereka bermastautin.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh ZPP (Al-Hady Centre Pulau Pinang) pada tahun 2020 bertajuk "Kajian Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan '*Uruf*: Kajian ke atas Wanita Islam Negeri Pulau Pinang".

NOTA

1. Tokoh-tokoh fuqaha Mazhab Syafi'i selepas Imam Syafie dan sebelum Imam Nawawi, iaitu al-Asfirayaini, al-Tabari, al-Mawardi, al-Mawarzi, al-Juwayni, al-Ruyani, al-Syasyi, al-Ghazali, al-Ramli dan al-Rafi'i.

RUJUKAN

Abu Dawud, S.S. 1952. *Sunan Abi Dawud*. Mesir: Maṭba'at al-Babi al-Ḥalabi

Aithal, A. and S. Aithal. 2020. Development and validation of survey questionnaire and experimental data – A systematical review-based statistical approach. *International Journal of Management, Technology, and Social Sciences* 5(2): 233–251. https://doi.org/10.2139/ssrn.3724105

al-Bukhari, M.I. 2002. *al-Jami' al-Sahih*. Beirut: Dar Tuq al-Najah

al-Maraghi, A.M. 1963. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Maktabat Mustafa al-Babi al-Halabi.

al-Nasa'i, A.S. 1986. *al-Mujtaba min al-Sunan*. Halab: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyah.

al-Nawawi, A.Z. 2022. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab lil-Syirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

al-Qardawi, Y. 1978. *Halal dan haram dalam Islam*. n.p.: al-Ittihad al-Islami al-a'lami lil munazhomat al-Tolabiyah.

al-Qardawi, Y. 1999. *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

al-Ramli, S.A. 2011. *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Tirmidhi, A.I. 1970. *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Astro Awani. 2023. Pulau Pinang pamer prestasi ekonomi memberangsangkan – Jabatan Perangkaan. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pulau-pinang-pamer-prestasi-ekonomi-memberangsangkan-jabatan-perangkaan-482160 (accessed 4 December 2024).

Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohammad Mahyuddin Khalidi, Mohd Ashrof Zaki Yaakob and Mohamad Shukran Abdul Razak. 2019. Aplikasi fiqh zakat emas di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 17(2): 265–276. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.286

Azlan Yusof Punding, Sitti Hawa Sheikh Mohammad and Nur Ain Abu Bakar. 2024. Zakat collections and distributions within zakat institutions in Malaysia. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research* 12(1): 852. https://doi.org/10.24191/jeeir.v12i1.852

Banerjee, T. 2019. Designing a primary survey-based research. In *Research methodology for social sciences*, eds. R. Acharyya and N. Bhattachary, 167–180. India: Routledge.

Buletin Mutiara. 2024. 1.8 peratus kadar pengangguran suku pertama 2024 Pulau Pinang - TKM II. https://www.buletinmutiara.com/1-8-peratus-kadar-pengangguran-suku-pertama-2024-pulau-pinang-tkm-ii (accessed 4 December 2024).

Clark, V.L.P. and J.W. Creswell. 2015. *Understanding research: A consumer's guide*. 2nd ed. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.

Daniel, W.W. 1999. *Biostatistics: A foundation for analysis in the health sciences*. New York: John Wiley & Sons.

Djamaludin, A. 2011. Perhiasan tradisional Indonesia. Album sejarah seni budaya Kalimantan Timur I. Penerbit Proyek Pengembangan Media Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan RI. www.anneahira.com/perhiasan-cantik9907.htmresensi.info/buku/.../2011338-adatistiadat-dan-budaya-daerah.html (accessed 9 June 2021).

Fayruz Abadi, M.Y. 1995. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamka, H.A. 1986. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

Hussain, A. 2021. Barang kemas Melayu yang menjadi 'fashion statement' zaman 1950-an hingga 1970-an. *Berita Mediacorp*. https://berita.mediacorp.sg/mobilem/gayahidup/barang-kemas-melayu-yang-menjadi-fashion-statement-zaman-1950-an/4561770.html (accessed 16 June 2021).

Ibn Kathir, I. U. 2000. *Tafsir ibn Kathir*. Riyadh: Darussalam.

Ibn Majah, M. Y. 1952. *Sunan Ibn Majah*. Karachi: Vali Muhammad.

Ibn Manzur, J. A. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sader.

Majlis Agama Islam Negeri Johor. 2021. https://www.maij.gov.my/zakat-pengenalan/zakat-emas-dan-perak (accessed 2 February 2021).

Majlis Agama Islam Negeri Kelantan. 2021. https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/e-perkhidmatan-kami/kalkulator-zakat-emas (accessed 2 February 2021)

Krejcie, R.V. and D.W. Morgan. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607–610.

Mukherjee, S.P. 2019. A *guide to research methodology: An overview of research problems, tasks and methods*. New York: CRC Press.

Muslim, I.H. 1991. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. 2021. https://mains.gov.my/v1/zakat/kutipan/jenis-zakat/zakat-emas-dan-perak (accessed 2 February 2021).

Nor Diana Aziz, Abdul Hadi Nawawi and Nor Rima Muhamad Ariff. 2018. Survey on facility managers perception through instant message via WhatsApp application. 6th AMER International Conference on Quality of Life, Pulau Perhentian Resort, Malaysia. 3–4 March.

Omar, F. 2013. *Tabarruj penghalang bau syurga*. Rawang: Pustaka Ilmuan.

Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof and Muhammad Amir Wan Harun. 2016. Fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual. *Sains Humanika* 8(30): 65–71. https://doi.org/10.11113/sh.v8n3.953

Majlis Agama Islam Negeri Perlis. 2021. https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=125&Itemid=844&lang=ms (accessed 2 February 2021).

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu. 2021. http://www.maidam.gov.my/index.php/en/zakat-emas (accessed 2 February 2021).

Pusat Pungutan Zakat, MAIWP. 2021. Zakat emas. https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/ (accessed 2 February 2021).

Syaharina Abdullah, Asmak Ab Rahman and Luqman Haji Abdullah. 2023. Exploring zakatable wealth from classical and contemporary scholars perspectives. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 10(2): 53–70. https://doi.org/10.11113/umran2023.10n2.614

Salina Ahmad and Siti Maisarah Nazri. 2024. Zakat on gold jewellery: Case of Terengganu. *Jurnal 'Ulwan* 9(1): 72–84.

Samani, S.A. 2016. Steps in research process (partial least square of structural equation modeling (PLS-SEM): A review. *International Journal of Social Science and Business* 1(2): 58–66.

Tutasting@Rawi Nordin, Noraini Saro and Rozman Md Yusof. 2019. Profiling of 'urf zakat on gold jewelry in Malaysia. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences* 9(4): 226–232. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v9-i4/5882

Sayid Sabiq. 1990. *Fiqh Sunnah*. Vol .7 & vol. 14. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Zakat Melaka. 2021. http://www100.izakat.com/InfoZakat/Zakat_Emas_Perak.html (accessed 2 February 2021).

Zakat Pahang. 2021. http://www.zakatpahang.my/index.php/zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas-dan-perak (accessed 2 February 2021).

Zakat Pulau Pinang. 2021. https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat-emas-perak (accessed 2 February 2021).

Zainuddin, M.K., M.N. Zainuddin and M.F. Isa. 2008. *Kamus al-Miftah*. Shah Alam: Al Azhar Media Enterprise.